



ديوان بهاس دان قوستاڪ

# DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

## KENYATAAN TENDER

### KERJA-KERJA MENCETAK ENSIKLOPEDIA SAINS DAN TEKNOLOGI (EST) DBP - UTM

1. Tender adalah dibuka kepada syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan untuk kerja-kerja percetakan seperti keterangan di bawah:

No. Tender	Keterangan Tender	Syarat Pendaftaran Kod Bidang	Harga Dokumen Tender	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat Spesifikasi Kerja	Tarikh Tender Ditutup
1/2010	Kerja-kerja mencetak, menjilid dan membekal Ensiklopedia Sains dan Teknologi (EST) DBP-UTM	221002 221003	RM50.00 (Tidak dikembalikan)	Tarikh: 19/1/2010 Masa: 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Tun Perak, Tingkat 29, Menara DBP, 50460 Kuala Lumpur.	2/2/2010 Masa: 12.00 tengah hari Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

2. Dokumen Tender boleh diperoleh pada waktu pejabat di **Bahagian Kewangan dan Bekalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tingkat 27, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.** Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) dan hendaklah dibayar dalam bentuk wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf bank. Syarikat perlu menunjukkan **Sijil Pendaftaran Asal** daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera** yang masih sah tempohnya dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.
3. Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan Tender 1/2010 dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut:

**Bahagian Kewangan dan Bekalan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Tingkat 27, Menara DBP,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 KUALA LUMPUR.**

4. Tarikh dan masa tutup tender ialah pada **2 Februari 2010** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari.** Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Dewan Bahasa dan Pustaka tidak terikat untuk menerima harga tender yang terendah atau sebarang harga tender yang dikemukakan. Semua perbelanjaan berkaitan dengan tender ini adalah atas tanggungan sendiri.